

Harta si mati daripada sumber haram perlu 'dibersihkan'

Ada aset dirampas pihak berkuasa berikutan kemungkinan diperoleh secara haram

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Syarak hanya membenarkan pewarisan harta yang 'bersih' sepe-
nuhnya daripada unsur haram ma-
hupun syubhah. Ini kerana syarak
tidak meletakkan nilai pada sesuatu
harta yang diperoleh secara haram
atau sesuatu yang dilarang dalam
agama.

Dalam situasi tertentu, ada harta
individu yang sudah meninggal
dunia ditahan atau dirampas oleh
pihak berkuasa berikutan kemung-
kinan ia diperoleh secara haram,
misalnya dikesan terabit dalam
transaksi tidak sah, jenayah dan
amalan atau aktiviti bertentangan
dengan undang-undang.

Malangnya, dalam sesetengah
kes, disebabkan kurang cakna me-
ngenai ilmu pewarisan harta, ada
pihak beranggapan tindakan ter-
tentu misalnya keputusan dijatuh-
kan mahkamah sebagai 'mencabul'
hak keluarga sebagai pewaris.

Mengupas senario itu, Pensya-
rah Kanan Jabatan Undang-undang
Islam, Kulliyyah Undang-undang
Ahmad Ibrahim, Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia (UIAM),
Prof Madya Dr Mohamed Rashid Ab
Razak, berkata Islam membenarkan
rampasan atau penyitaan harta jika
ia diperoleh melalui cara haram.

Misalnya, ada individu mengum-
pul harta dengan kegiatan mencuri,
menipu, rasuah atau melakukan
rampasan dengan cara yang zalim.

Jelasnya, dalam kes seperti ini,
pihak berkuasa boleh merampas
dan mengembalikan harta terabit
kepada pemilik asal.

Dalam situasi pemilik tidak dapat

dikesan, ia boleh digunakan untuk
kepentingan umum.

"Dalam konteks perundangan Ma-
laysia, kuasa merampas ini
boleh dilakukan di bawah
Kanun Tatacara Jenayah
(CPC), iaitu membenar-
kan penyitaan harta yang
berkaitan dengan jenayah.

"Akta Pencegahan
Pengubahan Wang Haram
(AMLA) membolehkan pe-
nyitaan dan pelucuthakan
harta hasil daripada aktiviti
haram," katanya kepada *BH*
Agama.

Mengulas lanjut, Mo-
hamed Rashid berkata,
kebiasaannya tuntutan
jenayah seperti rampasan
harta haram tertakluk
di bawah bidang kuasa
mahkamah sivil.

Tuntutan boleh dibuat
selagi ada bukti bahawa
harta itu milik si mati yang
diperoleh secara tidak sah
atau menyalahi undang-
undang.

Pihak yang menun-
tut, misalnya waris atau
mangsa kes jenayah
mempunyai locus standi,
iaitu kedudukan sah di
sisi undang-undang untuk
membuat tuntutan.

Tiada fatwa khusus

Ditanya pendirian fatwa sama ada
sitaan atau rampasan harta si mati
dalam kes membenarkan
jika didapati ia diper-
oleh dengan cara
haram, Mohamed

Rashid berkata, fatwa secara prinsip
membenarkan tindakan itu dibuat
terhadap pemilik asal.



“
Sekiranya
terbukti harta
itu hasil
jenayah, ia
boleh sama ada
dirampas oleh
kerajaan atau
dikembalikan
kepada mangsa,
jika ada”

Mohamed Rashid
Ab Razak

"Walaupun tiada
fatwa khusus mengenai
semua jenis tuntutan,
prinsip haq al-mazlum
atau hak orang yang
dizalimi adalah asas
yang sangat kuat dalam
Islam," katanya.

Mengupas daripada
aspek undang-undang
syariah di negara ini,
beliau berkata, bidang
kuasa mahkamah syariah
terhad kepada tuntutan
harta pusaka atau faraid,
hibah, wasiat, harta
sepercaraan dan wakaf.

Selain itu, ia tu-
rut merangkumi hal
berkaitan perkahwinan
dan kekeluargaan.

Dalam kes tuntutan
harta si mati oleh waris,
ia boleh difailkan di
mahkamah syariah
mengikut Enakmen
Pentadbiran Agama
Islam Negeri, berkaitan
pengesahan faraid dan
pentadbiran pusaka.

Menjelaskan secara
lanjut tuntutan harta
individu sudah meninggal dunia,
beliau berkata, biasanya tuntutan
jenayah didahulukan, terutama jika

harta terabit diragui sumbernya.

"Dari segi prosedur, jika si mati
disyaki terabit dengan jenayah,
pihak berkuasa akan menyiasat dan
boleh menyita harta sementara.

"Sekiranya terbukti harta itu
hasil jenayah, ia boleh sama ada
dirampas oleh kerajaan atau dikem-
balikan kepada mangsa, jika ada.

"Baki harta bersih, sekiranya
ada boleh diagih kepada waris
mengikut hukum faraid," katanya.

Tambahnya, dalam keadaan
si mati berdepan pertuduhan
berkaitan jenayah, Islam memberi
penekanan kepada prinsip keadilan
dalam semua aspek.

"Pertama, hak si mati untuk tidak
dituduh tanpa bukti tetap dihor-
mati.

"Kedua, hak keluarga si mati
untuk mendapat pusaka sah tetap
dijamin.

"Ketiga, hak mangsa atau pihak
yang dizalimi untuk menuntut
kembali harta atau pampasan
juga diiktiraf," katanya yang turut
memberitahu Islam menggunakan
beberapa prinsip iaitu

'Al-haqq la yadhi', iaitu hak tidak
hilang selama ada tuntutan dan 'dar'
al-mafasid muqaddam ala jalb al-
masalih?' atau mencegah kerosakan
didahulukan berbanding mencari
maslahat.

